

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 AUGUST 2016

Najib makin kukuh di sebalik usaha Dr. M mahu gulingkannya

KUALA LUMPUR 14 Ogos - Usaha berterusan Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menjatuhkan Datuk Seri Najib Tun Razak dilihat bukan sahaja gagal malah menjadikan kedudukan Perdana Menteri kini bertambah kukuh dengan sokongan rakyat.

Kegagalan itulah yang dikatakan menjadi pendorong sehingga bekas Perdana Menteri tersebut memilih untuk menubuhkan parti baharu bersama Tan Sri Muhyiddin Yassin dan anaknya, Datuk Seri Mukhriz bagi meneruskan penentangan terhadap Najib.

Menurut pengendali portal, Raja Petra Kamaruddin, Dr. Mahathir sememangnya diketahui begitu benci kepada kekalahan dan keadaan itulah yang menyebabkan bekas Perdana Menteri keempat tersebut memilih pendekatan matlamat menghalalkan cara.

"Untuk menjatuhkan Tun Abdullah Ahmad Badawi, Dr. Mahathir hanya mengambil masa kurang tiga tahun tetapi sekarang walaupun sudah lebih tiga berusaha menjatuhkan Perdana Menteri, Najib masih

gagal digulingkannya.

"Itulah sebabnya Dr. Mahathir mengubah taktiknya dengan menubuhkan parti baharu tetapi itulah juga yang Najib mahu Dr. Mahathir lakukan dan beliau terjerat dengannya," kata Raja Petra sebagaimana dipetik dari www.malaysia-today.net hari ini.

Jelas Raja Petra dengan tertubuhnya parti baharu, keadaan itu hanya memperkukuhkan lagi perpaduan dalam UMNO kerana parti tersebut kini semakin jelas siapa lawannya dan secara tidak langsung memperkuatkan lagi kedudukan Najib.

Katanya, Dr. Mahathir menerusi parti baharu kini hanya bergantung kepada isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) untuk menyerang Perdana Menteri tetapi terbukti 1MDB tidak memberi kesan dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak dan dua pilihan raya kecil di Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

"Dr. Mahathir perlu sedar bahawa beliau tidak akan mampu mendendangkan lagu sama lagi (1MDB), selalunya sesebuah lagu itu hanya unggul di carta selama seminggu sahaja," ujarnya.



RAJA PETRA KAMARUDDIN